

Mampukah SMART atasi banjir di Kuala Lumpur?

KEJADIAN banjir kilat yang melanda petang Khamis dan Jumaat baru-baru ini amat mendukacitakan kerana warga Kuala Lumpur terpaksa mengharungi bencana ini dua hari berturut-turut.

Saya merasakan tidak banyak perkara yang dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mengatasi masalah ini kerana setiap kali hujan lebat banjir kilat pasti berlaku.

Menurut Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah, kejadian banjir di Kuala Lumpur adalah disebabkan Sungai Kera-

yung tidak dapat menampung limpahan air akibat hujan lebat luar biasa.

Datuk Bandar Kuala Lumpur melalui kenyataannya menyebut masalah banjir di Kuala Lumpur akan berakhir dengan siapnya Projek Pengurusan Banjir dan Terowong (SMART) di Sungai Besi pada 2007.

Menurut beliau, melalui SMART limpahan air akibat hujan lebat akan disalurkan melalui terowong terus ke Sungai Kerayung.

Secara umumnya warga Kuala Lumpur menyedari tentang wujudnya projek ini dan

kita semua bersabar serta berdoa apa yang dikatakan oleh Datuk Bandar menjadi kenyataan.

Persoalannya, adakah Sungai Kerayung dapat menampung kapasiti air sedia ada dan air yang akan disalurkan oleh SMART nanti apabila hujan lebat?

Saya tidak memahami mekanisme sebenar projek berbilion ringgit SMART ini namun kenyataan yang bercanggah ini boleh menimbulkan keraguan dan perasaan cemas di kalangan rakyat.

Di sekolah dahulu kita mempelajari betapa pentingnya peranan pokok-pokok hutan di kawasan bukit antara lainnya mengawal kadar aliran air sungai dan menyimpan air yang kita minum.

Adakah kita sekarang ini sebenarnya sedang menanggung akibat dari kerakusan kita menggondol bukit?

**- MANGSA BANJIR,
Bandar Tun Hussein Onn,
Cheras.**